

MEMAHAMI LESBIAN, GAY, BISEKSUAL, DAN TRANSGENDER (LGBT)


...Dari Perspektif
Seorang Muslim



Diterbitkan Bersama Oleh
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM)

ISI KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	1
2.	Orientasi Seks	1
3.	Perlakuan/Aktiviti Seksual	1
	a. Same-Sex Attraction (SSA)	3
	b. Gay dan Lesbian	3
	c. Homoseksual	4
	d. MSM atau WSW	4
	e. Bisexual	4
	f. Transeksual dan Transgender	5
	g. Interseks	5
	h. Sex Worker	6
	i. Aseksual	6
	j. LGBTI	7
	k. Straight (heteroseksual)	7
	l. Homophobia	7
4.	Pendirian Dan Sikap Menjadi LGBT Dalam Kalangan Muslim?	8
5.	Ujian atau Takdir?	9
6.	Jawapan kepada Pro LGBT	10
	a. Bukan "Pengkianat"	10
	b. Bukan "Munafiq"	10
7.	Mengubah Orientasi SSA?	11
	a. Pemahaman dasar	11
	i. Satu sumber	11
	ii. Sudut pandang	12
	iii. Seperti kuda tunggangan	12
	b. Langkah-langkah Perubahan	13
	i. Membetulkan niat	13
	ii. Taubat Nasuha	13
	iii. Menyalurkan atau menahan kemahuan seksual	14
	iv. Memelihara kehormatan dan maruah diri	14
	v. Percaya Diri	15
	vi. Persekitaran yang baik	15
	vii. Sabar dan selalu mengingati Allah	15
8.	KENALAN ANDA LGBT? APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN?	16
	a. Bersabar dan bertakwa	16
	b. Hadapilah dengan kebijaksanaan	16
	c. Ingatkanlah pada jalan yang lurus	17
	d. Pelihara keabannya	17
9.	PENUTUP	18



1. Pendahuluan

Risalah 'Memahami Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dari Perspektif Seorang Muslim' ini adalah suatu panduan asas bagi mengenali beberapa istilah yang berkaitan dengan LGBT, sikap yang seharusnya diambil oleh seorang muslim terhadap isu ini, tindakan dan langkah yang bersesuaian bagi mengatasi permasalahan ini, dan tindakan yang boleh dilakukan oleh semua pihak dalam usaha bimbingan dan interaksi dengan kelompok LGBT khususnya dalam kalangan Muslim di Malaysia.

2. Orientasi Seks

Orientasi seksual atau ketertarikan seksual adalah merupakan keinginan individu untuk memenuhi rasa cinta dan berhubungan dengan intim sehingga terjalin sebuah ikatan antara dua insan. Orientasi seksual bukan hanya ketertarikan seks secara jasmani atau biologi, tetapi juga menjangkau hubungan rohani atau batin. Belum ada suatu kajian yang boleh memastikan sama ada orientasi seksual seseorang dapat diubah atau tidak. Walaubagaimanapun beberapa penemuan kajian menunjukkan dua keadaan iaitu ; orientasi seksual boleh berubah dan orientasi seksual tidak boleh berubah. Orientasi seksual masih menjadi misteri dalam kalangan ilmunan. Mereka menemui fakta bahawa faktor biologi sama ada genetik, DNA atau lain-lain dan pengaruh persekitaran terutama pada usia awal kanak-kanak mempunyai pengaruh terhadap orientasi seksual. Berdasarkan kenyataan tersebut, kita sebenarnya tidak perlu berterusan berpolemik sama ada orientasi seksual boleh diubah atau tidak, diperolehi semenjak lahir atau semasa proses membesar. Setiap orang mengalami keadaan yang berbeza-beza sehingga tidak memungkinkan suatu kesimpulan secara umum dapat dibuat. Orientasi seksual adalah sesuatu yang unik dan perlu ditangani dengan bijaksana oleh setiap individu.

Justeru bagaimana seharusnya muslim menangani masalah orientasi seksual? Allah SWT adalah pembolak-balik hati manusia. Hanya kepadaNya kita berharap serta berdoa agar semua yang berada dalam jasad termasuk orientasi seksual, sesuai dengan ajaran dan syariat Islam. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud *"Sesungguhnya hati-hati manusia berada di antara dua jari-jemari Al-Rahman bagaikan satu hati sahaja. Dia memalingkan hati itu dengan kehendakNya. Kemudian Rasulullah SAW berdoa "Wahai Allah yang memalingkan hati-hati, palingkanlah hati-hati kami untuk mentaatiMu"* (Hadis Riwayat Muslim)

"Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, teguhkanlah hatiku di atas ketaatan kepadaMu"
(Hadis Riwayat Muslim)

3. Perlakuan/Aktiviti Seksual

Dalam disiplin ilmu psikologi, perlakuan seks didefinisikan sebagai perilaku yang menggambarkan ekspresi dengan wujudnya unsur erotisme. Erotisme adalah kemampuan secara sadar dalam mengalami hasrat terhadap dorongan seks, orgasme atau keadaan lain yang menyenangkan berkaitan dengan seks. Jika kita merujuk kepada maksud erotisme tersebut, ketika seorang lelaki berpegangan tangan dengan lelaki yang lain disertai dengan perasaan erotis, maka mereka telah dianggap melakukan aktiviti seksual. Walaupun definisi aktiviti seksual tersebut masih boleh diperdebatkan, namun sebagai seorang muslim, definisi tersebut hampir dengan peringatan Rasulullah SAW tentang bahaya zina.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *"Seorang lelaki tidak boleh melihat aurat sesama lelaki, dan seorang perempuan tidak boleh melihat aurat sesama perempuan. Seorang lelaki tidak boleh tidur dengan lelaki yang lain dalam satu selimut, dan seorang perempuan tidak boleh tidur dengan perempuan yang lain dalam satu selimut"* (Hadis Riwayat Muslim) Allah SWT berfirman yang bermaksud *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk"* (al-Isra' 17 : 32)

Berdasarkan kedua-dua komponen tersebut (Orientasi Seks, Perlakuan/Aktiviti Seksual) kita akan dapat membezakan istilah-istilah berikut :

A. Same-Sex Attraction (SSA)

Pada awalnya SSA sering digunakan oleh organisasi atau badan yang menyediakan khidmat *conversion therapy / reparative therapy* (terapi dengan tujuan mengubah orientasi seks atau *treatment* psikiatri yang mempunyai andaian bahawa homoseksual adalah gangguan jiwa sehingga pesakit harus mengubah orientasi homoseksual tersebut. SSA digunakan untuk menggambarkan bahawa seorang yang mempunyai rasa ketertarikan seksual dengan sesama jenis (gender sejenis), sama ada secara total (benar-benar hanya tertarik kepada sesama jenis) atau sebahagian (masih ada rasa ketertarikan seks dengan lain jenis). SSA juga sering digunakan untuk menggantikan istilah *homosexual orientation* (orientasi homoseksual) dan *bisexual orientation* (orientasi biseksual).

B. Gay dan Lesbian

Pada mulanya perkataan gay digunakan untuk menunjukkan erti bahagia atau senang. Namun di negara Inggeris perkataan ini juga bermaksud homoseksual (sekitar tahun 1800). Seiring dengan perkembangan waktu, istilah gay lebih banyak digunakan ke arah maksud homoseksual. Kini istilah gay lebih khusus digunakan untuk menggambarkan bahawa seseorang yang mempunyai SSA, kemudian menjadikannya sebagai identiti diri dalam kehidupan sosial. Justeru istilah ini bukan semata-mata menunjukkan rasa ketertarikan seks sesama jenis, tetapi juga sebuah identiti dan penerimaan secara keseluruhan tentang kehidupan dirinya sebagai seseorang yang mempunyai orientasi seks sesama jenis. Istilah ini menjadi sebuah pilihan identiti seksual dalam kehidupan sosial seperti heteroseksual dan biseksual.

Kesimpulannya, apabila ada seseorang yang mempunyai SSA, namun tidak mengidentifikasikan dirinya sebagai gay, maka kita tidak dapat menyebut dia sebagai seorang gay. Sebaliknya seorang gay sudah pasti mempunyai SSA. Kata gay sebenarnya berlaku untuk semua jenis kelamin, lelaki dan wanita. Namun akhir-akhir ini wanita yang mengidentifikasikan dirinya sebagai gay lebih menyukai istilah lesbian. Dengan erti kata lain, lesbian adalah gay berjenis kelamin wanita. Untuk kefahaman yang lebih jelas, sebagai contoh jika anda tertarik secara seksual kepada sesama jenis, anda belum boleh dikatakan sebagai gay sehingga boleh menerima orientasi seksual tersebut dengan senang hati tanpa sebarang penentangan atau tidak ada rasa kluatir ingin menjadi heteroseksual. Sama ada perkara itu diberitahu kepada orang lain atau hanya dipendam dalam diri sendiri. Jika masih ada penolakan terhadap SSA yang anda alami, anda tidak boleh dikatakan gay.

C. Homoseksual

Homoseksual sebenarnya adalah istilah yang digunakan dalam bidang ilmu berkaitan identiti seksual secara luas, selain heteroseksual dan biseksual. Namun homoseksual mempunyai maksud orientasi seks sesama jenis (SSA), serta aktiviti atau tindakan seksual sesama jenis. Sebahagian besar negara menggunakan kata ini untuk menggambarkan seseorang yang tertarik kepada sesama jenis dan tertumpu kepada seks semata-mata.

D. MSM atau WSW

MSM adalah singkatan kepada *men who have sex with men* atau *males who have sex with males*. Istilah ini hampir sama dengan homoseksual namun lebih luas daripada homoseksual itu sendiri. Manakala WSW adalah *women who have sex with women* (ungkapan yang sama, tetapi bagi wanita). MSM digunakan untuk menggambarkan lelaki yang melakukan aktiviti seksual dengan lelaki lain tanpa mengambilkira identiti seksual dirinya dalam masyarakat atau orientasi seksual yang dimilikinya. Orang dalam komuniti MSM tidak mahu memandang identiti seks yang digunakan dalam kehidupan sosial seperti gay, biseksual, heteroseksual, transgender, atau pekerja seks lelaki. Penekanan istilah ini sekadar pelampiasan nafsu tanpa memikirkan identiti seksual atau orientasinya.

E. Biseksual

Istilah biseksual digunakan kepada orang yang mempunyai *bisexual orientation*, iaitu ketertarikan seks kepada sesama jenis dan lain jenis secara bersama. Biseksual juga mewakili identiti seksual dalam kehidupan masyarakat selain heteroseksual dan gay.

F. Transeksual dan Transgender

Transeksual mengarah kepada maksud orang yang ingin mengubah kebiasaan hidup dan orientasi seksnya secara biologi, berlawanan dengan yang dimilikinya semenjak lahir. Misalnya seseorang yang lahir sebagai lelaki, kemudian memutuskan untuk menjadi wanita (secara biologi, kebiasaan, identiti diri dan sebagainya), maka dia disebut transeksual. Orang tersebut telah menggantikan organ-organ utama yang berkenaan dengan seks lawan jenisnya, berpenampilan wanita, bertingkah laku wanita, dan menggantikan identiti dirinya secara rasmi sebagai orang berjenis kelamin wanita.

Transgender pula adalah istilah untuk menunjukkan keinginan tampil berlawanan dengan jenis kelamin yang dimiliki. Seorang transgender boleh saja mempunyai identiti sosial heteroseksual, biseksual, gay, atau bahkan aseksual. Golongan transgender tidak menjadikan jenis kelaminnya sebagai suatu masalah dan tidak mahu mengubah alat kelaminnya melalui pembedahan. Justeru seseorang yang berjenis kelamin lelaki, mempunyai orientasi heteroseksual, tetapi ingin selalu berhias atau berpenampilan sebagai wanita, maka dia boleh disebut sebagai seorang transgender.

G. Interseks

Istilah yang digunakan bagi mendefinisikan seseorang yang secara biologinya tidak dapat diklasifikasikan sebagai lelaki atau wanita kerana memiliki karakteristik kedua-duanya. Sama ada berupa kromosom seks, dua alat kelamin, atau lain-lain. Dalam perkembangan hidupnya, dia harus memilih untuk menjadi lelaki atau wanita ada kalanya melalui pembedahan kelamin.

H. Sex Worker

Istilah yang digunakan untuk seseorang yang bekerja dalam dunia industri seks. Orientasi seks tidak berhubungan secara langsung dengan dunia pekerjaannya. Misalnya lelaki yang menjadi pelakon gay dalam filem seks belum tentu mempunyai SSA atau mengidentifikasikan dirinya sebagai seorang gay. Istilah ini menitikberatkan pada pencapaian material bukan pada pelampiasan seksual.

I. Aseksual

Istilah yang digunakan untuk menjelaskan bahawa seseorang yang tidak mempunyai pengalaman, sedikit pengalaman, bahkan sama sekali tidak memiliki ketertarikan seks. Dengan kata lain, orang tersebut tidak memiliki rasa ketertarikan untuk melakukan seks atau tidak mempunyai *sex orientation* kepada sesiapa pun atau apapun. Orang aseksual boleh berkahwin namun tidak ingin melakukan hubungan seks. Terdapat juga yang melakukan hubungan seksual walaupun sedikit kerana terpaksa. Kajian menunjukkan bahawa jumlah orang aseksual di dunia hanya sekitar 1%.

J. LGBTI

Singkatan kepada Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender dan atau Intersex. Merupakan istilah yang digunakan pada awal tahun 90-an hingga kini. LGBT diambil dari singkatan LGBT yang pada awalnya digunakan sebagai pengganti ungkapan 'gay community' (komuniti gay). Dewasa ini LGBT digunapakai untuk menunjukkan seseorang atau sesiapa yang mempunyai perbezaan orientasi seksual dan identiti gender berdasarkan norma tradisi iaitu heteroseksual. Secara mudahnya, orang yang mempunyai orientasi seksual dan identiti non-heteroseksual seperti homoseksual, biseksual, atau selainnya boleh disebut LGBT.

L. Homophobia

Istilah yang mengundang kontroversi ini dipopularkan oleh seorang ahli psikologi dan aktivis gay bernama George Weinberg dalam buku *Society and Healthy Homosexual* pada tahun 1972. Kata ini digunakan untuk memberi gambaran kepada golongan yang anti-komuniti gay. Penggunaan istilah ini ditentang oleh kebanyakan orang kerana ia menunjukkan semua orang yang menolak keberadaan komuniti gay adalah penganut diskriminasi dan rasialisme. Hakikatnya tidak semua orang atau pihak yang menentang komuniti gay melakukan perkara tersebut.

K. Straight (Heteroseksual)

Istilah heteroseksual digunakan untuk orientasi seksual sekaligus sebagai identiti dalam kehidupan sosial. Kata *straight* merupakan slanga untuk istilah heteroseksual, berasal dari frasa "to go straight" pada pertengahan abad 20. Dalam perkembangannya, kata ini sering digunakan sebagai lawan bagi kata gay. Selain lebih mudah diucapkan daripada kata heteroseksual, ia tidak mengandungi unsur kata sex kerana perbincangan yang dilakukan tidak semata-mata tentang masalah seks. Identiti gender dalam kehidupan sosial berkaitan dengan pelbagai aspek lain dan orientasi seksual hanyalah salah satu daripadanya.

4. PENDIRIAN DAN SIKAP MENJADI LGBT DALAM KALANGAN MUSLIM?

Terdapat dalam kalangan orang muslim yang mempunyai orientasi non-heteroseksual berdiri teguh di atas jalan Islam. Bahkan ada yang berjaya menghilangkan ketertarikan seksual sesama jenis. Perbincangan tentang punca ketertarikan seks sesama jenis bukanlah hal yang utama bagi komuniti LGBT muslim. Pandangan sama ada orientasi seksual boleh diubah atau sebaliknya bukanlah permasalahan utama. Mereka yakin jika hal ini diperdebat secara berterusan, akhirnya hanya akan saling menyalahkan dan membenarkan diri sendiri. Korbannya sudah tentu Allah SWT sebagai Pencipta. Rahsia sebenar di sebalik ujian, hanya Allah yang maha mengetahui. Manusia sekadar berusaha memahaminya sesuai dengan kemampuan akal. Mereka hanya memahami bahawa pada satu peringkat pembesaran, mereka mengalami ketertarikan seks kepada sesama jenis. Walauapapun penyebabnya, perkara tersebut ternyata sudah ditetapkan oleh Allah SWT. Semua itu adalah ujian. Ujian SSA atau biseksual sama sahaja dengan ujian kemiskinan, kekayaan, sakit berpanjangan, rupa paras menarik, fizikal yang tidak sempurna atau lain-lain. Semuanya sesuai dengan kadar kemampuan setiap individu. Daripada berdebat tentang

puncanya, mereka memilih untuk memikirkan cara mendepani ujian tersebut sesuai dengan tuntutan Islam.

Firman Allah SWT yang bermaksud “Setiap yang bernyawa akan merasai mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kami lah kamu dikembalikan” (al-Anbiya 21 : 35)

Ayat ini menjelaskan bahawa ujian boleh berupa keburukan dan kebaikan. Walauapapun pandangan orang tentang orientasi non-heteroseksual, sama ada itu kebaikan atau keburukan (mengikut pandangan kumpulan masing-masing) sebuah ujian itu haruslah ditempuhi dengan keimanan. Manusia perlu diuji untuk mengetahui siapa yang ingin bertahan dalam Islam dan beramal sesuai dengan tuntutan Rasulullah SAW. Perkara tersebut dijelaskan dalam ayat al-Quran yang bermaksud “yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia maha perkasa lagi maha Pengampun.” (al-Mulk 67 : 2)

“Alif lam mim. Apakah manusia itu mengira mereka dibiarkan (sahaja) mengatakan ‘Kami telah beriman’, sedangkan mereka tidak diuji lagi? Sesungguhnya Kami telah menguji orang sebelum mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui orang yang dusta” (al-Ankabut 29 : 1-3)

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud “**Tidaklah seorang muslim ditimpa keletihan, sakit, sedih, duka, gangguan, ataupun gundah gulana, bahkan sehingga duri yang menusuknya, kecuali Allah akan menghapuskan dengannya kesalahan-kesalahannya” (Hadis Riwayat Bukhari)**

“Menakjubkan urusan seorang mukmin. Jika memperoleh nikmat, maka ia bersyukur dan syukur itu sangat baik baginya. Jika ia ditimpa musibah, maka ia bersabar dan sabar itu sangat baik baginya.” (Hadis Riwayat Muslim)

Rasulullah SAW pernah bercerita tentang tiga orang (si sopak, si botak, dan si buta) dalam kalangan bani Israil yang diberikan ujian oleh Allah SWT untuk mengetahui apakah mereka termasuk dalam kalangan orang yang bertaqwa.

5. UJIAN ATAU TAKDIR?

Sememangnya berat ujian menjadi muslim dengan SSA atau biseksual. Namun mereka percaya bahawa Allah SWT akan menjadikan mereka manusia yang unggul dan berkualiti. Mereka juga seperti orang lain, mengalami permasalahan kehidupan yang dihadapi oleh orang lain seperti masalah kewangan, pekerjaan, dan hubungan sosial. Hanya pada masalah orientasi seks mereka menghadapi ujian yang berbeza. Sebagai contoh, dalam sebuah keramaian yang di dalamnya terdapat lelaki dan wanita. Jika seorang lelaki yang mempunyai orientasi heteroseksual, dia hanya perlu menjaga pandangan kepada berlawanan jenis. Namun bagi lelaki atau wanita yang mempunyai SSA atau biseksual, selain perlu menjaga pandangan kepada berlainan jenis kerana tuntutan agama, mereka juga harus menjaga pandangan dari sesama jenis untuk menjaga diri mereka sendiri. Contoh lain, larangan berdua-duaan dengan berlainan jenis yang bukan muhrim untuk menjaga diri dari perbuatan zina. Aturan tersebut akan bertambah kepada muslim dengan SSA atau biseksual kerana mereka juga perlu menghindari berdua-duaan dengan sesama jenis, terutama yang menarik keinginan seksualnya. Jika ujian berat tersebut berjaya dilalui, mereka juga berhak mendapat keunggulan lebih daripada mereka yang berorientasi heteroseksual.

Allah SWT berfirman yang bermaksud “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami terlupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”. (Al-Baqarah 2 : 285-286)

Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Rasulullah SAW mengenai beratnya ujian yang diberikan kepada setiap individu. Kadar ujian itu sudah tentu sesuai dengan kemampuan yang dimiliki, bergantung kepada bagaimana seseorang itu menghadapi ujian yang diberikan. Sa’ad bin abi

Waqas RA berkata “Aku bertanya kepada Rasulullah SAW, ‘Ya Rasulullah siapakah yang paling berat ujian dan cubaannya? Nabi SAW menjawab, Para Nabi, kemudian yang mengikuti mereka, dan yang mengikuti mereka. Seseorang diuji menurut kadar agamanya. Jika agamanya lemah, dia diuji sesuai dengan keadaan itu (ringan). Jika imannya kuat, dia diuji sesuai dengan keadaan itu. Seseorang diuji berterusan sehingga dia berjalan di muka bumi bersih dari dosa-dosa” (Hadis Riwayat Bukhari).

“Barangsiapa dikehendaki Allah kebaikan baginya, maka dia diuji (diuji dengan suatu musibah)” (Hadis Riwayat Bukhari)

“Sesungguhnya Allah menguji hambaNya dalam rezeki yang diberikan Allah kepadanya. Jika dia redha dengan ujian diterimanya, Allah akan memberkatinya dan meluaskan pemberianNya. Jika dia tidak redha dengan pemberianNya, Allah tidak akan memberkatinya” (Hadis Riwayat Ahmad)

“Barangsiapa diuji lalu bersabar, diberi lalu bersyukur, dizalimi lalu memaafkan, dan menzalimi lalu beristighfar, maka bagi mereka keselamatan dan mereka tergolong orang yang memperolehi hidayah” (Hadis Riwayat al-Baihaqi)

“Besarnya pahala sesuai dengan besarnya ujian dan cubaan. Sesungguhnya apabila Allah menyukai sesuatu kaum, Allah menguji mereka. Barangsiapa bersabar maka baginya manfaat kesabarannya dan barangsiapa murka maka baginya murka Allah” (Hadis Riwayat Tirmidzi)

6. JAWAPAN KEPADA PRO LGBT

Seseorang Muslim dengan SSA dan biseksual yang ingin hidup di jalan Allah juga mempunyai jawapan terhadap pertuduhan dari komuniti pro-LGBT.

a. Bukan “Pengkhiran”

Sememangnya jalan yang dipilih adalah berlawanan dengan visi dan misi golongan pro-LGBT. Orientasi seksual yang dimiliki memang sama, tetapi pilihan jalan hidup mereka berbeza. Jika hidup memang sebuah pilihan, tentu komuniti pro-LGBT berhak memilih untuk memperjuangkan apa yang mereka yakini. Begitu juga dengan komuniti muslim dengan SSA dan biseksual yang memilih taat kepada Allah. Mereka juga mempunyai hak untuk memilih mengikuti jalan agama walaupun bercanggah dengan perjuangan komuniti pro-LGBT. Allah berfirman yang bermaksud “*Demi diri manusia dan Yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan) Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia bersih itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat.*

(al-Syams 91 : 7-10)

Bukankah telah berlalu kepada manusia satu ketika dari masa (yang beredar), sedang ia (masih belum wujud lagi, dan) tidak menjadi sesuatu benda yang disebut-sebut, (maka mengapa kaum musyrik itu mengingkari hari akhirat)? Sesungguhnya Kami telah aturkan cara mencipta manusia bermulanya dari air mani yang bercampur (dari pati benih lelaki dan perempuan), serta Kami tetap mengujinya (dengan kewajipan-kewajipan); oleh itu maka Kami jadikan dia berkeadaan mendengar dan melihat. Kerana keadaan itu tidak mencukupi, maka sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan Rasul) akan jalan-jalan (yang benar dan yang salah; maka terserahlah kepadanya) sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat), ataupun ia berlaku kufur (dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka).

(al-Insan 76 : 1-3)

b. Bukan “Munafiq”

Komuniti muslim dengan SSA dan biseksual yang memilih jalan Allah juga dianggap munafiq kerana mengingkari apa yang terjadi pada dirinya, iaitu orientasi seksual sesama jenis. Mengingkari hal tersebut bererti mengingkari anugerah daripada Tuhan (*given*). Hakikatnya kata munafiq sebenarnya dari perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada orang yang berpura-pura melaksanakan atau mengikuti agama dengan baik, tetapi sebenarnya dalam hati tidak mengakui atau

mengingkari perbuatan yang dilaksanakan. Kata ini kemudiannya dirujuk kepada orang yang melakukan tindakan tidak sesuai dengan apa yang ada dalam hatinya. Komuniti muslim hakikatnya tidak menjadikan perkara tersebut sebagai masalah. Perkara yang lebih utama adalah tindakan yang dilakukan berdasarkan syariat Islam. Bagaimana mungkin untuk mengatakan seseorang itu munafiq sedangkan orang tersebut berusaha melaksanakan tuntutan agamanya dengan sepenuh jiwa.



7. MENGUBAH ORIENTASI SSA?

Di benua Eropah atau Amerika, kita mudah menemui laman web atau organisasi yang membantu golongan bekas gay (*ex-gay*). Mereka juga membantu orang yang ingin mengubah orientasi seksualnya dari SSA menjadi heteroseksual sama ada berasaskan agama ataupun tidak. Di Malaysia juga terdapat usaha yang dilakukan oleh Agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Yayasan Ihtimam Malaysia (YIM), Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI), Persatuan Insaf Pahang (PIP) dan lain-lain serta orang perseorangan yang melaksanakan program penyantunan dan memberikan bimbingan dalam menghadapi kecenderungan SSA atau membantu orang yang ingin keluar dari perlakuan homoseksual mereka. Walaupun perdebatan tentang sama ada orientasi seksual dapat diubah atau tidak masih terus berlangsung, sebagai seorang muslim, kita tidak perlu berterusan tenggelam dalam perdebatan ini kerana masalah jiwa adalah sangat unik dan rumit. Namun kita percaya bahawa tidak ada yang mustahil pada kekuasaan dan kehendak Allah.


Ada beberapa tips dari beberapa sumber yang boleh digunakan dalam usaha mengubah orientasi seks dari SSA dan atau biseksual menjadi heteroseksual. Kesannya mungkin tidak sama di antara seseorang dengan seseorang yang lain. Namun setidaknya-tidaknya ia boleh menjadi panduan yang baik dalam mengubah orientasi seksual.

a. Pemahaman dasar

Sebelum sebarang langkah yang konkrit dibentangkan, kita perlu memahami beberapa perkara asas terlebih dahulu berhubung dengan tip yang akan diberikan.

i. Satu sumber

Segala perkara yang berlaku dalam kehidupan ini datangnya dari ketentuan Allah. Sama ada ia diterima dengan suka ataupun duka. Orientasi seksual sesama jenis juga diberikan oleh Allah sebagai ujian bagi individu yang memilikinya. Jika SSA dianggap sebagai gangguan yang menimbulkan keduakaan, kepada Allah sahaja permasalahan itu dikembalikan. Allah adalah pembolak balik hati, maka berdoalah kepadaNya agar keadaan itu diubah. Jika doa itu belum dimakbulkan, mohonlah agar dijauhkan dari keadaan yang dapat menyebabkan terjerumus dalam tindakan homoseksual. *"Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaKu. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintahKu), dan hendaklah mereka beriman kepadaKu supaya mereka menjadi baik serta betul."* (al-Baqarah 2 : 186) Rujuk juga (al-Anbiya; 21 : 35) (Muhammad 47 : 31)



ii. Sudut pandang

Setiap individu diberikan kebebasan oleh Allah untuk memilih sudut pandang, sekaligus jalan keluar terhadap masalah yang dihadapinya. Sebagai seorang muslim yang berusaha bertakwa di jalan Allah, sudah pasti kita harus selalu bersangka baik pada setiap urusan yang ditentukan oleh Allah. Berusaha untuk selalu bersabar dan mencari penyelesaian yang sesuai dengan tuntutan Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud *"kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu*



padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya." (al-Baqarah 2 : 216)

"Yang pertama kali akan dipanggil masuk ke syurga adalah para pemuji, iaitu orang yang sentiasa memuji Allah pada masa lapang ataupun sempit" (Hadis Riwayat Thabrani)

"Apabila anak seorang hamba Allah meninggal dunia, Allah SWT berfirman kepada MalaikatNya "Kalian telah mencabut nyawa anak hambaKu? Para malaikat menjawab, "Benar" Allah berfirman, "Kalian telah mencabut nyawa buah hatinya?" Malaikat menjawab, "benar". Allah SWT bertanya, "Apa yang dikatakan oleh hambaKu itu?Malaikat menjawab, "Ia memuji Engkau (Alhamdulillah) dan beristirja' (Innalillahi wa inna ilaihi rajiiun) Allah berfirman, "Buatkan untuk hambaKu itu sebuah rumah di Syurga dan namakan rumah itu Baitul Hamd (rumah pujian) (Hadis Riwayat Tirmidzi)

iii. Seperti kuda tunggangan

Orientasi seksual boleh diibaratkan seperti kuda tunggangan yang diberikan kepada kita semenjak lahir. Pelbagai jenis kuda yang telah ditentukan sesuai dengan keadaan serta kemampuan kita. Kuda tersebut membesar sesuai dengan situasi dan keadaan pemiliknya. Jika semenjak kecil sehingga dewasa kuda tersebut hanya dilatih untuk berjalan, kemudian kita mengajaknya berlari tentulah ia harus dilatih, walaupun agak sukar. Dalam psikologi, usia awal kanak-kanak merupakan masa yang sangat penting dalam perkembangan jiwa seseorang anak. Jika pada umur tersebut ia menerima pengaruh yang negatif, ia memerlukan masa yang lama untuk memasukkan semula pengaruh yang positif pada perkembangan usia berikutnya. Jika sudah remaja atau dewasa, maka semakin sukar ia menerima perubahan itu secara drastik. Begitu juga dengan SSA. Kita tidak pernah tahu orientasi apa yang diberikan sejak lahir. Dalam proses dewasa, orientasi seksual menerima pengaruh dari situasi dan keadaan persekitaran keluarga dan persekitarannya. Ketika seseorang mula menyedari orientasi seksualnya berbeza dengan orang lain, dan ingin mengubahnya, dia perlu mendapat latihan dan bimbingan yang memerlukan masa yang panjang.

b. Langkah-langkah Perubahan

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan berdasarkan tiga pemahaman asas tersebut.

i. Membetulkan niat

Niat adalah merupakan langkah pertama dalam setiap perbuatan. Seberapa kuat niat untuk berubah akan kelihatan pada sejauhmana usaha yang dilakukan. Hanya niat yang timbul dari dalam diri seseorang akan menentukan kesan yang sebenar. Paksaan dari orang lain hanyalah bersifat sementara. Tujuan utama dalam sesuatu niat dalam Islam adalah untuk mencapai keredaan Allah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *"Tiap-tiap amalan itu bergantung kepada niat. Setiap orang mendapat sesuatu sesuai dengan apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya kerana Allah dan RasulNya, maka hijrahnya itu kerana Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang diinginkannya atau kerana wanita yang ingin dikahwininya, maka hijrahnya itu kepada apa yang diniatkannya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

ii. Taubat Nasuha

Taubat nasuha adalah taubat yang sebenar-benarnya kepada Allah atas dosa yang telah dilakukan. Langkah kedua ini menjadi pengukur sama ada niat seseorang untuk berubah itu sungguh-sungguh atau hanya sekadar ucapan lisan. Taubat Nasuha bermaksud memohon ampun kepada Allah atas segala dosa dan maksiat yang dilakukan termasuk jika pernah melakukan tindakan homoseksual. Tentulah taubat nasuha ini dirasakan sangat berat kerana pertama kali dilakukan. Allah berfirman yang bermaksud *"Wahai orang-orang yang beriman! bertaubatlah kamu kepada Allah dengan "taubat Nasuha", Mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, pada hari Allah tidak akan menghinakan Nabi dan orang-orang yang beriman bersama-sama dengannya; cahaya (iman dan amal soleh) mereka, bergerak cepat di hadapan mereka dan di sebelah kanan mereka (semasa mereka berjalan); mereka berkata (ketika orang-orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): "Wahai Tuhan kami! sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan limpahkanlah keampunan kepada kami; Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".* (al-Tahrim 66 : 8)

Berikut beberapa contoh tindakan yang menunjukkan seriusnya taubat nasuha yang dilakukan :

Membuang perkara yang dapat mengingatkan atau mendorong kepada orientasi seksual sesama jenis seperti gambar dan video pornografi, nombor telefon pasangan yang 'dicintai', serta media lain yang akan menjerumuskan ke dalam tindakan homoseksual. Dalam perspektif psikologi, pemisahan diri secara fizikal dari perkara yang disenangi amat membantu akal untuk cepat melupakan perkara yang disukai tersebut. Berusaha mencegah diri daripada kegiatan yang mengingatkan pada dunia homoseksual merupakan salah satu usaha yang akan membawa diri ke jalan yang diredai Allah. Allah berfirman yang bermaksud *"Dan orang yang berjihad untuk mencari keredaan kami, benar-benar akan kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami."* (al-Ankabut 29 : 69)

Tidak lagi melakukan perbuatan lalu yang berkaitan dengan tindakan homoseksual misalnya melakukan onani sambil membayangkan bercinta dengan sesama jenis, atau menikmati media teknologi berkaitan homoseksual. *"Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri. Jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, niscaya kami termasuk dalam kalangan orang yang rugi."* (Al-A'raf 7 : 23)

Melakukan ibadah dan pekerjaan yang bermanfaat. Allah berfirman yang bermaksud *"dan dirikanlah sembahyang (Wahai Muhammad, Engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. perintah-perintah Allah Yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat"*. (Hud 11 : 114) Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *"Bertaqwalah di manapun engkau berada, dan ikutilah perbuatan buruk dengan perbuatan baik, niscaya ia akan menghapuskannya, dan bergaullah dengan manusia dengan akhlak yang baik."* (Hadis Riwayat Ahmad dan Tirmizi)



iii. Menyalurkan atau menahan kemahuan seksual

Setelah melaksanakan taubat, fokus seterusnya adalah memenuhi kehendak seksual dalam diri atau menahannya. Hasrat seksual harus disalurkan bersesuaian dengan syariat Islam, iaitu dengan berkahwin bagi yang mampu. Jika belum berkemampuan untuk berkahwin, satu-satunya jalan ialah dengan menundukkan hasrat seksual dengan berpuasa seperti saranan Rasulullah SAW. Dengan berpuasa, hasrat seksual akan menjadi lemah. Melalui hasrat seksual yang dipenuhi, godaan untuk menuruti orientasi seksual kepada sesama jenis akan berkurangan. Tenaga juga dapat difokuskan kepada perkara lain yang lebih bermanfaat. Firman Allah yang bermaksud *"Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas"*. (al-Mu'minun 23 : 5-7) Lihat juga surah al-Nur 24 : 32 Surah al-Rum 30 : 21 Rasulullah bersabda yang bermaksud *"Wahai para pemuda, sesiapa di antara kalian yang mampu berkahwin maka hendaklah dia berkahwin. Berkahwin itu lebih dapat menundukkan pandangan dan lebih menjaga kemaluan. Barangsiapa belum mampu, hendaklah dia berpuasa kerana sesungguhnya puasa itu menjadi perisai baginya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

iv. Memelihara kehormatan dan maruah diri

Kehormatan diri kita di hadapan Allah akan menjadi perkara utama yang dapat menahan godaan yang mendatang. Dengan mempertimbangkan kehormatan dan harga diri (di akhirat kelak), serta kehormatan keluarga, saudara mara, dan teman-teman, maka semangat untuk berubah akan terus menyala dan tidak akan padam. *"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)."* al-Isra' 17 : 32 Lihat juga surah al-An'am 6 : 32

v. Percaya Diri

Untuk melakukan peberubahan, mungkin tidak ada orang lain yang dapat membantu secara langsung. Jadi, mengubah orientasi seksual sesama jenis atau biseksual harus dilakukan secara sendiri dengan teratur dan berterusan. Salah satu caranya ialah dengan mengungkapkan dalam hati kata-kata yang meyakinkan bahawa dirinya dan orang lain bukan SSA. Lakukan perkara ini secara berterusan pada bila-bila masa dan di mana juga berada. Jika ia dilakukan secara tepat dan benar, ia sangat membantu dalam mewujudkan harapan dan keinginan yang benar.

vi. Persekitaran yang baik

Sama ada diakui atau tidak, persekitaran sangat memberikan pengaruh dalam kehidupan kita sebagai individu dalam masyarakat. Komuniti atau persekitaran kita sedikit sebanyak akan memberikan pengaruh kepada pemikiran, gaya hidup dan perkara lain termasuk ketertarikan seks. Keyakinan untuk meninggalkan tindakan homoseksual akan lebih kuat jika kita melihat persekitaran hubungan yang harmoni berlaku dalam kalangan suami isteri, anak-anak dan keluarga berasaskan norma dan syariat Islam. *"Dan Jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan*

dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia." (al-Ra'd 13 : 28) Lihat juga Surah al-Baqarah 2 : 214 Ali Imran 13 : 146. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud *"Tidak ada seorang muslim pun yang ditimpa gangguan seperti tusukan duri atau lebih berat daripadanya, melainkan dengan ujian itu Allah menghapuskan perbuatannya serta menggugurkan dosa-dosanya sebagaimana pohon kayu yang menggugurkan daun-daunnya."* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran. (al-Kahfi 18 : 28) Rasulullah bersabda yang bermaksud *"Sesungguhnya perumpamaan teman yang soleh dengan teman yang buruk adalah seperti penjual minyak wangi dan tukang besi. Seorang penjual minyak wangi akan memberimu wangi itu atau kamu membeli wangi itu darinya. Seorang tukang besi pula akan membuat pakaianmu terbakar, atau kamu mendapat bau yang tidak sedap darinya."* Hadis Riwayat Bukhari, Muslim dan Ahmad.

vii. Sabar dan selalu mengingati Allah

Keinginan untuk mengubah orientasi seksual merupakan sesuatu proses yang tidak mudah dan memerlukan kesabaran. Lakukanlah proses itu dengan kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya kepada Allah. Sesungguhnya niat yang baik disertai dengan tindakan yang benar akan membawa ke arah tujuan akhir yang baik. Salah satu cara untuk mendapatkan kesabaran itu adalah dengan berterusan berzikir mengingati Allah kerana Allah telah berjanji hati seorang hamba akan menjadi tenang dan tenteram jika terus mengingati Nya. Allah berfirman yang bermaksud *"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah*

8. KENALAN ANDA LGBT? APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN?

Apakah yang akan kita lakukan apabila tiba-tiba mengetahui suami, isteri, rakan, saudara kita terlibat dalam perlakuan homoseksual atau mengaku mempunyai ketertarikan seksual sesama jenis? Mungkin kebanyakan kita akan terkejut. Namun apakah memadai dengan rasa terkejut itu? Bagaimana sikap dan tindakan kita sebagai seorang muslim yang baik terhadap mereka yang merupakan saudara seagama dengan kita?

Berikut adalah langkah-langkah yang sebaiknya dilakukan oleh seorang muslim jika mengetahui aib saudaranya sesuai dengan petunjuk Rasulullah SAW.

a. Bersabar dan bertakwa

Urusan seorang muslim memang amat mengesankan. Ketika ditimpa musibah atau mendapat nikmat, dia tetap memuji Allah. Sebagai manusia tentu ada rasa sedih dan duka ketika mengetahui orang yang kita sayang telah melakukan tindakan homoseksual atau mempunyai ketertarikan seks sesama jenis. Namun muslim yang baik akan tetap istiqamah di jalan Allah walaupun pelbagai ujian dan cubaan mendatang. Pasti Allah menyediakan hikmah kepada setiap orang yang mahu berfikir tentang setiap kejadian yang ditentukan oleh Allah. Firman Allah yang bermaksud *"Alif, Laam, Miim. Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang*



terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang-orang yang berdusta." (al-Ankabut 29 : 1-3. Lihat juga Surah al-Anbiya 21 : 35

b. Hadapilah dengan kebijaksanaan

Walau siapapun seseorang itu, selama masih ada iman dalam dirinya kepada Allah dan RasulNya maka sebagai saudara seIslam kita wajib memperlakukannya secara terhormat. Kerana mereka sedang diuji dengan kesukaran, justeru kita perlu berusaha membantu mereka. Jika seorang muslim telah melakukan tindakan homoseksual atau memiliki SSA namun dia berharap untuk berubah menjadi individu yang lebih baik, maka harapan itulah yang harus kita pegang dan pertahankan agar dia tetap bersemangat mengharungi kehidupannya. Ketika seseorang

mempunyai masalah, sudah tentu bebanan itu akan terasa lebih ringan jika ada orang yang membantu meringankan masalah tersebut. Begitu juga dengan seseorang yang telah melakukan tindakan homoseksual dan ingin bertaubat, atau orang dengan SSA tetapi tidak ingin melakukan tindakan homoseksual. Mereka sangat memerlukan sokongan psikologi dari orang yang terdekat. Allah berfirman yang bermaksud *"Dan bersifat lemah-lembut terhadap orang-orang yang beriman dan berlaku tegas terhadap orang-orang kafir,"* (al- Maidah 5 : 54) Lihat juga Surah Ali Imran 3 : 134 Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud *"Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dia mencintai saudaranya seperti dia menyintai dirinya sendiri"* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

c. Ingatkanlah pada jalan yang lurus

Selain memberikan bantuan moral, sebagai saudara muslim kita juga harus bersikap adil terhadap mereka yang diketahui melakukan tindakan homoseksual. Kita wajib mengingatkan mereka agar kembali kepada syariat Islam. Bagaimana pula jika mereka tidak mahu menerima apabila diseru kepada kebaikan? Jika keadaan itu berlaku, maka gugurlah kewajiban kita sebagai saudara seIslam kerana kita tidak mungkin melakukan tindakan kekerasan. Serahkanlah kepada peraturan dan undang-undang negara. Allah SWT berfirman yang bermaksud *"Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar"*. (al-Asr 103 : 1-3) Lihat juga Surah al-Maidah 5 : 8

d. Pelihara Keaibannya

Perkara yang paling sukar untuk dilakukan adalah menjaga lisan daripada menyampaikannya kepada orang lain tentang keadaan seseorang yang kita ketahui melakukan perlakuan homoseksual atau mempunyai orientasi non-heteroseksual. Bagi orang yang berkenaan, perkara tersebut adalah sebuah keaiban. Jika kita

terlajak memberitahu kepada orang lain tanpa sebab yang jelas dan dibenarkan agama, misalnya untuk meminta bantuan nasihat hukum, atau untuk orang lain berjaga-jaga, sama seperti kita telah memakan daging saudara kita sendiri. Kecuali orang berkenaan memang ingin membukanya kepada orang lain, itu adalah hak orang tersebut. Firman Allah yang bermaksud *"Wahai orang-orang yang beriman! jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani."* (al-Hujurat 49 : 12) Lihat juga Surah al-Isra' 17 : 7



9. PENUTUP

Walaupun secara prinsipnya perlakuan LGBT tidak dapat diterima berdasarkan panduan daripada al-Quran dan al-Hadis, undang-undang serta norma budaya masyarakat Malaysia, namun ia tidak menafikan hak golongan ini untuk dibimbing dan dinasihati. Pendekatan ini adalah selaras dengan prinsip dakwah dalam Islam agar memberi peluang kepada mereka yang melakukan dosa dan maksiat untuk memperbaiki diri dan mendapatkan pengampunan Allah.

Isi kandungan Risalah ini dipetik daripada buku asal dalam Bahasa Indonesia bertajuk “Anakku Bertanya tentang LGBT”. Penulis buku ini adalah merupakan pengasas Yayasan Peduli Sahabat, iaitu sebuah pertubuhan yang giat melaksanakan usaha bimbingan dan penyantunan kepada golongan yang mengalami masalah homoseksualiti di Indonesia.

Sinyo(2014), *Anakku Bertanya tentang LGBT*, Penerbit PT Elex Media Komputindo, Jakarta Indonesia.

Isi Kandungan Risalah ini disusun semula oleh Dr Mohd Izwan bin Md Yusof dan Saiful Azhar bin Saadon, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.